

MERDEKA 118

BANGUNAN PENCAKAR LANGIT KEDUA TERTINGGI DI DUNIA

Kuala Lumpur mengulangi sejarah buat kali kedua apabila Merdeka 118 bakal dinobatkan sebagai menara pencakar langit yang kedua tertinggi di dunia selepas Burj-Khalifa di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Sebelum ini, Malaysia pernah melakar sejarah apabila Menara Berkembar Petronas pernah menjadi menara yang tertinggi di dunia pada tahun 1996, sekali gus mengatasi pemegang rekod terdahulu, Menara Sears, Chicago yang berketinggian 110 tingkat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd., Tengku Datuk Ab Aziz Tengku Mahmud, status proses pembinaan ini mengikut perancangan yang dijadualkan dan kini mencapai tahap sebanyak 92 peratus. Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga menyasarkan penyewaan ruangan pejabat di dalam menara ini dibuka kepada 70 peratus syarikat tempatan dan 30 peratus untuk syarikat antarabangsa. Senarai penyewaan ruangan pejabat bagi menara ini akan diumumkan kemudian. Tambahan pula, sebagai kontraktor utama bagi pembinaan menara ini, PNB dan anak syarikatnya mempunyai keistimewaan untuk memasuki ruang Merdeka 118 terlebih dahulu.

Terdapat 15 bangunan tertinggi di dunia yang diukur berdasarkan ketinggian. Merujuk Jadual 1, Burj Khalifa masih unggul sebagai menara pencakar langit tertinggi di dunia sejak 10 Mac 2010. Pada masa yang sama, China dilihat agak agresif dalam membina bangunan pencakar langit kerana daripada 15 buah

Jadual 1 Senarai 15 bangunan tertinggi di dunia pada tahun 2023.

Kedudukan	Nama Bangunan	Bandar Raya	Ketinggian	Lokasi	Benua
1	Burj Khalifa	Dubai	828 m/2717 kaki	UAE	Asia Barat Daya
2	Menara Shanghai	Shanghai	632 m/2073 kaki	China	Asia Timur
3	Menara Jam Diraja Makkah	Makkah	601 m/1972 kaki	Arab Saudi	Asia Barat Daya
4	Pusat Kewangan Ping An	Shenzhen	599.1 m/1965 kaki	China	Asia Timur
5	Menara Dunia Lotte	Seoul	554.5 m/1819 kaki	Korea Selatan	Asia Timur
6	Pusat Dagangan Dunia	New York	541.3 m/1776 kaki	AS	Amerika Utara
7	Pusat Kewangan Guangzhou CTF	Guangzhou	530 m/1739 kaki	China	Asia Timur
8	Pusat Kewangan Tianjin CTF	Tianjin	530 m/1739 kaki	China	Asia Timur
9	Menara CITIC	Beijing	527.7 m/1731 kaki	China	Asia Timur
10	TAIPEI 101	Taipei	508 m/1667 kaki	Taiwan	Asia
11	Pusat Kewangan Dunia Shanghai	Shanghai	492 m/1614 kaki	China	Asia Timur
12	Pusat Perdagangan Antarabangsa	Hong Kong	484 m/1588 kaki	China	Asia Timur
13	Menara Central Park	New York	472.4 m/1550 kaki	AS	Amerika Utara
14	Lakhta Center	St. Petersburg	462 m/1516 kaki	Rusia	Eropah Timur
15	Mercu Tanda Vincom 81	Ho Chi Minh	461.2 m/1513 kaki	Vietnam	Asia Tenggara

Sumber: Majlis Bangunan Pencakar Langit dan Habitat Bandar.

Jadual 2 Senarai 10 bangunan tertinggi di Malaysia pada tahun 2023.

No	Nama Bangunan	Bandar Raya	Ketinggian	Negeri
1.	The Exchange 106	Kuala Lumpur	453.6 m/ 1488 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2.	Menara Berkembar Petronas 1	Kuala Lumpur	451.9 m/ 1483 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3.	Menara Berkembar Petronas 2	Kuala Lumpur	451.9 m/ 1483 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
4.	Four Seasons Place	Kuala Lumpur	342.5 m/ 1124 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
5.	Menara TM	Kuala Lumpur	310 m/ 1017 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
6.	The Astaka Menara A	Johor Bahru	278.8 m/ 915 kaki	Johor Bahru
7.	Menara Ilham	Kuala Lumpur	274 m/ 899 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
8.	Menara Petronas 3	Kuala Lumpur	267 m/876 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
9.	Star Residences RT2	Kuala Lumpur	265 m/ 869 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
10.	Star Residences RT3	Kuala Lumpur	265 m/869 kaki	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sumber: Majlis Bangunan Pencakar Langit dan Habitat Bandar.

bangunan tertinggi di dunia, tujuh daripadanya terletak di China. Bagi rantau Asia Tenggara, hanya Vietnam sahaja yang berjaya menempatkan diri dalam kelompok 15 bangunan pencakar langit tertinggi di dunia. Agak mengejutkan juga untuk dilihat bahawa kebanyakan bangunan pencakar langit ini terletak di benua Asia, manakala hanya satu sahaja yang terletak di benua Eropah (Rusia) dan dua lagi bangunan pencakar langit terletak di Amerika Utara, yakni kedua-duanya di Amerika Syarikat (AS).

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, negara teluk seperti Arab Saudi dan Emeriah Arab Bersatu (UAE) dilihat semakin agresif dalam usaha untuk membina bangunan tertinggi di dunia untuk mengambil gelaran bangunan pencakar langit tertinggi di dunia daripada Burj Khalifa. Antara projek pencakar langit yang pernah dijalankan, namun terhenti di pertengahan jalan ialah Menara Dubai Creek, yang berketinggian sekitar 928 meter hingga 1300 meter yang dirancang dibina di Dubai. Pembinaan Menara Dubai Creek telah bermula sejak Oktober 2016. Selain itu, Menara Jeddah berketinggian sekitar 1008 meter dirancang untuk dibina di Jeddah, Arab Saudi. Pembinaan bangunan ini telah dimulakan sejak April 2013 dan terus terbengkalai hingga ke hari ini.

Menyentuh tentang Merdeka 118, menara ini merujuk bilangan tingkat yang terdapat di menara ini. Reka bentuk bangunan ini kelihatan biasa sahaja. Kata "merdeka" berdasarkan *Kamus Dewan Perdana* yang membawa maksud bebas dari sebarang entiti penjajah, sebuah negara yang berdaulat dan tidak bergantung pada mana-mana negara yang lain. Bangunan pencakar langit ini direka dengan mengambil inspirasi postur badan kedudukan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dari sisi semasa melaungkan perkataan keramat "Merdeka" sebanyak tujuh kali di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur pada 30 Ogos 1957, pukul 12.00 tengah malam.

Menara berketinggian 678.9 meter, apabila dibuka secara rasmi, kelak akan menjadi bangunan pencakar langit yang kedua tertinggi di dunia, (mengatasi bangunan pencakar langit yang lain di dalam Jadual 1), sekaligus menjadi bangunan yang tertinggi di Asia, Asia Tenggara dan Malaysia khususnya. Pencapaian ini merupakan satu penghormatan kepada negara dan rakyat Malaysia, sekali gus meletakkan semula Malaysia di peta dunia dalam senarai 10 bangunan pencakar langit tertinggi di dunia.

Selain itu, terdapat 10 bangunan pencakar langit di Malaysia pada

tahun 2023. Dengan ketinggian 678.9 meter, Merdeka 118 akan terus menjadi satu daripada mercu tanda yang membuat Malaysia dikenali ramai, selain Menara Berkembar Petronas (KLCC) yang pada masa ini menduduki ranking ke-18 sebagai bangunan yang tertinggi di dunia. Kesemua 10 bangunan tertinggi ini terletak di ibu kota (kecuali Astaka Menara A yang terletak di Johor Bahru), yang merupakan pusat aktiviti tumpuan pelbagai jenis industri dan sebagai pusat pentadbiran negara.

Rata-rata bangunan di Malaysia mempunyai ketinggian sekitar 200 meter hingga 400 meter dan tidak ada apa-apa bangunan lagi setakat ini yang mempunyai ketinggian melebihi 500 meter. Merdeka 118 akan berdiri gah, dengan perbezaan ketinggian dalam 200 meter menjadikan bangunan ini akan lebih menyerlah berbanding dengan bangunan lain di kawasan bandar raya Kuala Lumpur.

Menara pencakar langit ini turut mempunyai kawasan yang luas. Dengan jarak yang menjangkau lebih daripada 3.1 juta kaki persegi keluasan lantai, Merdeka 118 merangkumi 1.7 juta kaki persegi kawasan yang boleh disewa bagi ruang pejabat Gred-A premium. Bahkan, aras 17 dan ke atas akan menempatkan Hotel Park Hyatt (pertama dan satu-satunya di Malaysia). Tarikan utama di Merdeka 118 ialah dek pemerhatian yang tertinggi di Asia Tenggara, iaitu terdapat pada aras 116. Setakat ini, Pusat Kewangan Ping An di Shenzhen, China mempunyai dek pemerhatian yang tertinggi di Asia, iaitu pada aras 116. Menara ini disiapkan pada tahun 2017 dan telah memegang rekod ini selama enam tahun.

Maka demikian, dengan bertapaknya menara pencakar langit ini di ibu negara, nama Malaysia akan lebih dikenali di persada dunia yang bukan sahaja disebabkan keindahan budaya, adat resam, kepelbagaian kaum dan makanan, serta kelestarian sumber alam, malah menjadikan bangunan Merdeka 118 sebagai mercu tanda kebanggaan negara. □

Penulis, Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Peneilaian dan Ekonomi dan Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya (UM).